



KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA
(MINISTRY OF DEFENCE MALAYSIA)
WISMA PERTAHANAN
JALAN PADANG TEMBAK
50634 KUALA LUMPUR
MALAYSIA

Telefon : 603-8000 8000
Portal Rasmi : www.mod.gov.my
E-mel : portal@mod.gov.my

Samb : 5200
Ruj. Kami: MOD.400-1/10/6 JLD2 (28)
Tarikh : 13 September 2019

SEPERTI SENARAI EDARAN

Y. Bhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan,

PERANAN MEWUJUDKAN DATA INDUK PEGAWAI TENTERA (NOTE) DI DALAM SISTEM iGFMS

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan surat rujukan MOD.400-1/10/5 JLD2 (59) bertarikh 10 Mac 2018.

- Untuk makluman Y. Bhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan, data bagi semua pegawai tentera diselenggara oleh Sistem UGATnet di bawah kendalian Jabatan Urusan Gaji Angkatan Tentera (UGAT). Bagi memastikan semua data pegawai tentera dibawa masuk ke dalam Sistem iGFMS, satu proses migrasi data UGATnet kepada Sistem iGFMS telah dilaksanakan pada Mac 2018 melibatkan 113,661 data pegawai tentera yang telah diwujudkan *vendor code*.
- Selepas proses migrasi pada Mac 2018 tersebut, tiada lagi proses membawa masuk data tentera ke dalam Sistem iGFMS dilakukan. Bagi maksud tersebut, data pegawai tentera yang tiada di dalam senarai data induk iGFMS perlu dikunci masuk secara manual ke dalam Sistem iGFMS bagi mewujudkan *vendor code* untuk tujuan pembayaran dilakukan. Bagi pegawai-pegawai yang berkhidmat di Lembah Klang, permohonan mewujudkan *vendor code* hendaklah dikemukakan kepada Seksyen Perundingan, Bahagian Akaun, Kementerian Pertahanan. Manakala bagi pegawai-pegawai yang berkhidmat di luar Lembah Klang, permohonan hendaklah dikemukakan kepada Unit Khidmat Perunding Pejabat Perakaunan Negeri dan Cawangan masing-masing.

PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA



ISO 9001 : 2008 Certified

4. Mohon agar pihak Y. Bhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan untuk menyemak dan memastikan data pegawai tentera tiada dalam Sistem iGFMAS terlebih dahulu sebelum mengunci masuk maklumat pegawai tersebut ke dalam sistem. Bersama-sama ini dilampirkan dokumen berikut untuk rujukan dan tindakan pihak Y. Bhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan:

- 4.1 Borang NOTE yang perlu diisi oleh pegawai tentera dan dikemukakan bersama dokumen sokongan iaitu salinan MyTentera, salinan buku bank/ penyata bank dan salinan slip gaji;
- 4.2 Tatacara mengunci masuk data pegawai tentera ke dalam Sistem iGFMAS di Lampiran A; dan
- 4.3 Surat Tuntutan Perjalanan Pegawai Tentera (NOTE) rujukan MOD.400-1/10/5 JLD2 (59) bertarikh 10 Mac 2018.

5. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, Y. Bhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan boleh menghubungi pegawai Seksyen Perundingan, Bahagian Akaun seperti berikut:

- | | | |
|-----|---|--------------|
| 5.1 | Puan Munyati Fariza binti Abu Bakar
Emel: munyati@mod.gov.my | 03-2071 5551 |
| 5.2 | Puan Sharifah Norhafizah binti Syd Fauzinor
Emel: sharifah.fauzinor@mod.gov.my | 03-2071 5552 |
| 5.3 | Puan Maznah binti Bakar
Emel: maznah.bakar@mod.gov.my | 03-2071 5100 |

6. Kerjasama dan tindakan Y. Bhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Pertahanan Negara, Tanggungjawab Bersama"

Saya yang menjalankan amanah,



(NORAINI BINTI ALIAS C.A.(M) CPFA (UK))
Ketua Akauntan
Bahagian Akaun
b.p Ketua Setiausaha
Kementerian Pertahanan Malaysia